

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
(BERA)**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan memantau kedatangan mubaligh serta pendakwah agama lain dari luar negara dan adakah pihak Kerajaan memantau isi kandungan dakwah mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kemudahan Pas Lawatan (Ikhtisas) dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan 8(1) Peraturan–Peraturan Imigresen 1963 yang memberi hak kepada seseorang untuk memasuki dan berada secara sementara di dalam Persekutuan atau Sabah atau Sarawak. Pas Lawatan tersebut terbahagi kepada dua kategori iaitu :

- (i) Kategori Pakar – dikeluarkan kepada warganegara asing di bawah kategori pakar dan teknikal untuk menjalankan kerja-kerja khusus dalam tempoh yang singkat.
- (ii) Kategori Mubaligh – dikeluarkan kepada warganegara asing bertaraf mubaligh keagamaan dan terbahagi kepada dua kategori

SOALAN NO : 18

iaitu Mubaligh Agama Islam dan Mubaligh Agama selain Islam (Kristian, Hindu, Buddha dan lain-lain).

Tempoh maksimum pas berkenaan adalah 12 bulan bagi setiap pengeluaran dan boleh dilanjutkan sehingga tempoh maksimum 36 bulan. Sebagai elemen kawalan, antara syarat utama untuk memohon Pas Lawatan (Ikhtisas) bagi Mubaligh Agama Islam dan Mubaligh lain-lain agama ialah perlulah mendapatkan surat sokongan daripada badan-badan yang dikenalpasti. Pelantikan badan pengesah/penyokong berkenaan adalah bagi memastikan pengamal agama asing yang dibawa masuk menjalankan aktiviti yang sah di Malaysia selaras dengan syarat Pas Lawatan (Ikhtisas).

Badan pengesah/penyokong yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) Jabatan Agama Islam negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi Mubaligh Agama Islam; dan
- (ii) Malaysia Hindu Sangam, Malaysia Buddhist Society, Malaysia Youth Buddhist Society, Majlis Gurdwara Malaysia untuk Mubaligh selain Islam.

Bagi Mubaligh lain-lain agama semua permohonan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pas Lawatan (Ikhtisas) Kategori Mubaligh Lain-lain Agama yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Imigresen. Mesyuarat ini dianggotai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan JIM.